

Malaysia, ASEAN kena fokus urus ekonomi

Kekuatan dalaman penting hadapi ketidakpastian cabaran global

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia bersama ASEAN perlu fokus kepada kekuatan dalaman dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi dunia, dengan menekankan soal tatakelola dan pengurusan ekonomi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, masalah seperti tarif yang dikenakan Amerika Syarikat (AS), peperangan ekonomi antara AS dan China serta perang antara Russia dan Ukraine adalah sesuatu yang di luar kawalan, justeru ASEAN perlu memberi tumpuan kepada perkara yang boleh dikendalikan sendiri oleh rantau ini.

“Dalam isu tarif, yang kadang-kadang ke depan dan berundur, kadang-kadang sepenuhnya dan sebahagian, itu masalah mereka tetapi dalam menghadapi masalah ini, saya tekankan daripada awal, ia memerlukan kekuatan dalaman, domestik.

“Ada hal yang tidak terkendali dan tidak berupaya diselesaikan



Anwar bersama Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican pada Perhimpunan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

seperti perang Russia-Ukraine atau ketegangan ekonomi AS dan China. Kita boleh suarakan tapi tidak berupaya untuk kita membereskannya.

“Bagaimanapun, dalam isu negara kita, isu intra ASEAN, mampu kita uruskan, jadi kita harus beri tumpuan kepada isu yang kita kendali. Kita boleh bercita-cita besar, tetapi kita harus pragmatik untuk selesaikan,” katanya ketika berucap pada Perhimpunan Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, wawasan pemimpin ASEAN sejak dulu adalah untuk menjadikan rantau ini aman dan tidak ter-

jerumus konflik perang dingin ketika itu, iaitu antara Kesatuan Soviet (USSR) dan AS.

Beliau berkata, ketika ini, fokus diberikan kepada prinsip Kepusatan ASEAN, yang tetap mengekalkan hubungan baik dengan semua negara, namun pada masa sama, menjaga kepentingan negara dan rantau ini.

Justeru, katanya, negara ASEAN perlu terus memberi tumpuan mempertingkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi, sekali gus mampu menarik pelaburan asing, seperti yang dibincangkan pada Mesyuarat Khas Menteri Ekonomi ASEAN pada minggu lalu.

“Apakah yang dilihat sebagai

kelompokan dan kelemahan? Ia belum dapat meneruskan agenda kerjasama ekonomi yang lebih mantap.

“Ada permulaan kerjasama, malah kaedah penyelesaian menggunakan mata wang sendiri tempatan yang sudah dimulakan, yang dimulakan sekitar 20 peratus dengan Indonesia dan Thailand, selain negara luar. Itu semua kejayaan awal.

“Bagaimanapun, ruang untuk berdagang antara negara itu besar, antara Malaysia dan Indonesia serta Filipina, dan Filipina dan Thailand umpamanya, jadi inilah yang diberi penekanan, apakah kaedah dan instrumen yang boleh membantu dalam hal ini,” katanya.